

NAMA :

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2024

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

DUA JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak



Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan herba tradisional.


Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang penggunaan herba tradisional dalam kalangan masyarakat.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.




Apakah tumbuhan herba?

Herba merupakan satu anugerah yang sangat bernilai kepada manusia. Tumbuhan herba mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan bahawa sebanyak 80% daripada penduduk dunia bergantung kepada tumbuhan ini.



merawat penyakit



meningkatkan aroma

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperluas dan memperkukuh pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) di sekolah rendah dan sekolah menengah di negara ini. Pendekatan sempurna yang lebih holistik dan sarat dengan mesej perpaduan ini diyakini mampu memberi impak langsung kepada agenda pembentukan semangat patriotisme yang akhirnya membawa kepada keamanan negara.

Sumber: www.bharian.com

Pada pendapat anda, selain saranan yang telah dinyatakan dalam petikan di atas, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan semangat tersebut dalam kalangan generasi muda di negara kita?

2. Penggunaan bahasa asing sememangnya meninggalkan impak negatif yang semakin ketara. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan dalam kalangan masyarakat akan mencemarkan martabat bahasa Melayu di negara kita. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan bahasa Melayu semakin dipinggirkan.

Sumber: www.bharian.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan faktor-faktor tersebut.

3. Sambutan Hari Buku Sedunia telah ditetapkan pada 23 April setiap tahun. Usaha ini dicetuskan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi menggalakkan pembacaan, penerbitan dan hak cipta. Bagi menyahut objektif ini, pihak sekolah dicadangkan untuk memperkasakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM), mengadakan pameran buku dan menganjurkan pertandingan-pertandingan berkaitan amalan membaca.

Sumber: bhrencana@bh.com.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah bagi memupuk amalan tersebut.

4. Sejak penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) pada 8 Ogos 1967, Malaysia merupakan negara yang terawal menganggotai ASEAN sejak penubuhannya. Hubungan luar Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain adalah untuk menjamin keselamatan negara, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memudahkan bantuan disalurkan semasa bencana alam berlaku.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan yang baik dengan negara luar.

MODUL TAMAT